



**JABATAN PERDANA MENTERI**

Aras -1, Setia Perdana 8,  
Kompleks Setia Perdana  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya  
Tel : 03-8000 8000 Faks : 03-8888 3106  
Laman web : [www.jpm.gov.my](http://www.jpm.gov.my)

---

**JPM-PR-2023-01 (2)**

**SIARAN MEDIA**

**AMANAT PERDANA MENTERI, YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM:  
MEMBANGUN MALAYSIA MADANI**

Putrajaya, 19 Januari 2023 - YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri telah menyampaikan amanat bertemakan "Membangun Malaysia Madani" di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Amanat ini berpaksikan kepada latar pengalaman beliau bersama keprihatinan dan perjuangan rakyat bermula dari gerakan pelajar, aktivis sosial, ahli politik, pemimpin kerajaan sehingga dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10.

MADANI merupakan satu kerangka dasar yang terdiri daripada enam (6) tonggak dasar iaitu:

M - keMampanan  
A - kesejAhtraan  
D - Daya cipta  
A - hormAt  
N - keyakiNan  
I - Ihsan

Agenda dasar kerangka MADANI bukan sahaja memberi tumpuan kepada penyelesaian masalah dan memenuhi keperluan semasa negara tetapi turut menyentuh pencorakan masa depan serta memenuhi potensi rakyat dan negara.

MADANI disasarkan untuk dijadikan dasar bagi setiap teras yang akan diteroka bagi memperkukuh lapan (8) keperluan berikut:

- i. Ekonomi dan Kewangan
- ii. Perundangan
- iii. Pendidikan
- iv. Kemasyarakatan
- v. Budaya
- vi. Bandar; dan
- vii. Luar Bandar

Majlis Amanat ini diadakan seurus selepas Program Wacana Membangun Malaysia MADANI yang diadakan bermula jam 9.00 pagi sehingga 11.00 pagi bagi meneroka tonggak dasar MADANI dalam usaha untuk memberi kefahaman yang lebih tuntas dalam kerangka pemikiran, falsafah, etika dan tindakan dalam membangun Malaysia MADANI.

Wacana tersebut telah disampaikan oleh empat (4) orang ahli panel yang terdiri daripada Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Presiden Kolej Dar Al-Hikmah, YBhg. Dato' Prof. Dr. Muhd Nur Manuty, Pengerusi Eksekutif Institut Darul Ehsan (IDE), YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohammad Redzuan Othman dan Pengarah Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), YBrs. Prof. Dr. Haslinda Abdullah.

YAB Perdana Menteri juga melancarkan versi terkini buku "Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi" yang diterbitkan oleh Institut Darul Ehsan (IDE) dengan 215 halaman.

Di samping itu, Mini Pameran Malaysia MADANI turut diadakan bagi memberi pencerahan secara dekat kepada hadirin mengenai enam (6) tonggak dasar MADANI melalui bahan pameran yang memberikan maklumat serta penerangan konsep MADANI.

Turut hadir adalah Timbalan-timbalan Perdana Menteri, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, ahli-ahli Jemaah Menteri, Ketua Setiausaha Negara, Menteri-menteri Besar, Timbalan-timbalan Menteri, Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Ahli-ahli Dewan Negara dan Rakyat, Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri, ahli badan bukan kerajaan (NGO), belia dan komuniti.

Amanat Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim: Membangun Malaysia MADANI anjuran Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan kerjasama Insitut Darul Ehsan (IDE) telah dihadiri oleh 2,500 hadirin secara fizikal dan dipaparkan menerusi siaran langsung Radio Televisyen Malaysia (RTM), BERNAMA TV, Facebook JPM dan Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD).

###

**JABATAN PERDANA MENTERI  
PUTRAJAYA  
19 JANUARI 2023**

---

*Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Perdana Menteri di talian 03- 8872 3437 / 03-8872 3502*